



**PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**

*Office of Director-General of Education Malaysia*

**ARAS 8, BLOK E8**

*Level 8, Block E8,*

**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**

*Government Complex Parcel E,*

**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

*Federal Government Administrative Centre*

**62604 PUTRAJAYA**

*Tel: 03-8884 6077*

*Fax: 03-8889 4548*

*Laman web: [http: www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my).*

KP(BS-DSR)8787/008/2/Jld.2 (16)

7 Ogos 2007

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 8 /2007**

**GARIS PANDUAN. PEMAKAIAN PAKAIAN KOKURIKULUM DI HARI PERSEKOLAHAN DAN PERHIMPUNAN BULANAN KOKURIKULUM**

Surat Pekeliling Ikhtisas ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan pemakaian pakaian kokurikulum pada hari persekolahan dan perhimpunan bulanan kokurikulum.

2. Kementerian Pelajaran Malaysia telah memutuskan supaya semua sekolah hendaklah melaksanakan pemakaian pakaian kokurikulum setiap minggu pada hari persekolahan dan menganjurkan perhimpunan kokurikulum pada setiap bulan. Garis panduan Pelaksanaan dasar ini adalah seperti berikut:

**2.1 Pemakaian Pakaian Kokurikulum**

2.1.1 Murid-murid hendaklah memakai pakaian seragam kokurikulum pada hari Rabu setiap minggu pada waktu persekolahan;

2.1.2 Murid-murid hendaklah seboleh-bolehnya memilih untuk memakai pakaian seragam pasukan badan beruniform yang lengkap atau sebahagian daripadanya seperti memakai baju-T berkolar yang melambangkan pasukannya; atau

2.1.3 Murid-murid juga boleh memilih memakai pakaian seragam kelab/persatuan, sama ada dalam bentuk jaket, baju layang (seni bela diri) atau baju-T berkolar.

- 2.1.4 Jaket, baju layang atau baju-T berkolar hendaklah dicetak dengan nama pasukan atau kelab/persatuan di bahagian belakang, dan logo (jika ada) di bahagian hadapan (dada kiri).
- 2.1.5 Pihak sekolah hendaklah melaksana pemakaian pakaian kokurikulum ini secara terancang dan beransur-ansur supaya tidak menimbulkan bebanan kepada ibu bapa.

## 2.2 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum

- 2.2.1 Perhimpunan hendaklah dianjurkan pada **hari pertama minggu ketiga** setiap bulan.
- 2.2.2 Perhimpunan ini hendaklah dikendalikan oleh murid-murid. Aktiviti yang lazimnya diurus dan disampaikan oleh Pengetua/Guru Besar dan guru-guru seperti ucapan, bacaan doa, penyampaian hadiah dan sebagainya, diambil alih oleh murid-murid dengan bimbingan dan panduan guru-guru.

3. Kerjasama Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memantau serta memastikan dasar pemakaian pakaian kokurikulum dan perhimpunan bulanan kokurikulum dilaksanakan di semua sekolah.

4. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah/Gabungan, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

  
**DATO' HAJI ALIMUDDIN BIN MOHD. DOM**  
Pemangku Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.

1. Y.B. Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein  
Menteri Pelajaran Malaysia
2. Y.B. Dato' Hon Choon Kim  
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
3. Y.B. Dato' Noh bin Haji Omar  
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
4. Y.B. Puan Komala Devi  
Setiausaha Parlimen, Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha,  
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia,  
Kementerian Pelajaran Malaysia
8. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pelajaran Malaysia
9. Ketua Nazir Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia.
10. Penasihat Undang-Undang Kementerian Pelajaran Malaysia
11. Pegawai Perhubungan Awam, Kementerian Pelajaran Malaysia